



KP(BS) 8591/Jld.XVIII (1)

28 Julai 2003

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 1/2003 :**  
**STATUS PELAKSANAAN MATA PELAJARAN SAINS TAMBAHAN**  
**KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH (KBSM)**

Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan status pelaksanaan mata pelajaran Sains Tambahan bagi Tingkatan 4 dan 5 sekolah menengah atas.

2. Mata pelajaran **Sains Tambahan** adalah **mata pelajaran elektif** bagi Tingkatan 4 dan 5 dan ditawarkan sebagai mata pelajaran elektif pilihan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Mata pelajaran ini juga hendaklah diambil bersama-sama mata pelajaran Sains Teras KBSM kerana Sains Tambahan adalah lanjutan kepada Sains Teras.

3. Pada tahun 2003 pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains Tambahan bagi Tingkatan 4 dan 5 hendaklah terus mengguna pakai

- 3.1 Sukatan Pelajaran Sains Tambahan KBSM edisi 1991;
- 3.2 Huraian Sukatan Pelajaran Sains Tambahan sedia ada yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP); dan
- 3.3 Buku teks yang sedia ada.

Bahan-bahan kurikulum tersebut di atas hendaklah terus diguna pakai sehingga diberitahu kelak.

4. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Bahagian/Daerah dan Pengetua-pengetua sekolah menengah di bawah pentadbiran Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**DATUK ABDUL RAFIE BIN MAHAT**  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad  
Menteri Pelajaran Malaysia
  2. Y.B. Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin  
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
  3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim  
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
  4. Y.B. Dato' Mahadzir bin Mohd Khir  
Setiausaha Parliman, Kementerian Pendidikan Malaysia
  5. Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia
  6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  8. Ketua-Ketua Bahagian, Kementerian Pendidikan Malaysia
  9. Ketua Jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia
  10. Ketua Perhubungan Awam, Kementerian Pendidikan Malaysia